Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

BERITA HARIAN, JUMAAT, 19 FEBRUARI, 1982

edisi BANDAR

BURUH INDONESIA DI MALAYSIA

SETUJU BUAT ATURAN

JAKARTA, Khamis — Peraturan bagi memudahkan rakyat Indonesia bekerja di Malaysia sedang dirangka dan akan dibereskan tidak lama lagi, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, hari ini.

Pegawai-pegawai tertinggi Indonesia, kata beliau, telahpun memberi 'lampu hijau' untuk menyelesaikan perkara itu.

"Kedua negara bersetuju membuat satu peraturan dan perjanjian bagi membolehkan rakyat Indonesia dan keluarga masing-masing bekerja di Malaysia secara yang lebih teratur," tegasnya lagi.

Datuk Musa berkata demikian selepas mengadakan rundingan sejam dengan Menteri Pertahanan dan Keselamatan Indonesia, Jen. M. Yusuf.

Jen M. Yusuf yang juga Pemerintah Angkatan Tentera, berkata kedua pihak berharap peraturan itu dapat disiapkan menjelang bulan depan dan sebelum Jawatankuasa Am Sempadan Malaysia-Indonesia (GBC) bermesyuarat Ogos depan.

Datuk Musa dan Jen. Yusuf adalah Pengerusi Bersama jawatankuasa yang bermesyuarat secara bergilir antara kedua negara.

Dalam pertemuan itu, kedua-dua pemimpin juga menyentuh tentang peraturan penyeberangan sempadan bagi mereka yang menggunakan kapal di Selat Melaka dan orang-orang dari Kepulauan Riau.

Mereka juga menumpukan perhatian terhadap kegiatan penyeludupan terutama narkotik.

Perhatian

Datuk Musa selanjutnya berkata, pekerja-pekerja Indonesia diperlukan membantu Malaysia membangunkan sektor industri pembinaan dan di sektor perladangan.

Bagaimanapun, kata beliau, adalah tidak wajar jika Malaysia terlalu berharap sumber pekerja dari Indonesia saja.

"Kami juga cuba mendapatkan dari lain-lain tempat, tapi Indonesia adalah sumber utama," jelas Timbalan Perdana Menteri lagi.

Beliau menambah, kehadiran pekerja-pekerja Indonesia ke Malaysia adalah berdasarkan kontrak perjanjian.

"Ini akan memudahkan Malaysia memberi kebajikan kepada mereka di samping menentukan sama ada kontrak itu perlu disambung semula," katanya.

● TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam (kiri sekali) dan isterinya, Datin Maria (dua dari kiri) diperkenalkan kepada pembesar Indonesia oleh Menteri Kordinator, Politik dan Keamanan Indonesia, Jeneral M. Panggabean (tengah) setibanya di Jakarta bagi memulakan lawatan rasmi empat hari Rabu lalu.

Ketibaan Datuk Musa dan rombongannya di lapangan terbang antarabangsa Halim Perdanakusuma di sambut oleh Naib Presiden, Tun Adam Malik.

Mereka diberi penghormatan negara. Selepas itu, Datuk Musa dan Datin Maria diperkenalkan kepada para Menteri Kabinet Indonesia dan pembesar lain.